



## PERNYATAAN POLISI ANTIRASUAH

SPPP mensasarkan ke arah sifar rasuah dalam sistem pengurusan perkhidmatan, penyelewengan dan salah guna kuasa melalui penerapan budaya kerja berkualiti dan berintegriti secara berterusan selaras dengan pelaksanaan MS ISO 37001:2016.

Setiap warga SPPP serta semua pihak berkepentingan termasuk mana-mana ejen, individu atau entiti yang terlibat di bawah mana-mana perjanjian/kontrak bersama SPPP atau terlibat dengan SPPP di dalam sebarang aktiviti yang berkaitan dengan operasi Pelabuhan Pulau Pinang secara formal dan tidak formal perlu komited untuk menjaga nilai-nilai integriti, kejujuran dan profesionalisme di tahap yang tertinggi pada setiap masa di sepanjang urusan bersama SPPP atau ketika mewakili SPPP dalam sebarang urusan rasmi.

Adalah menjadi tanggungjawab setiap kakitangan dan pengguna pelabuhan untuk melaporkan semua kejadian rasuah atau sebarang kesalahan integriti kepada Unit Integriti SPPP atau terus kepada SPRM. Unit Integriti SPPP adalah pihak berkecuali yang diberi kuasa untuk menjalankan tanggungjawab terhadap pematuhan integriti, tadbir urus korporat dan antirasuah. Pelaporan dari pihak yang tidak mahu dinamakan adalah juga digalakkan. Setiap laporan akan dirahsiakan dengan ketat dan tidak akan didedahkan atau dibincangkan dengan mana-mana pihak selain daripada mereka yang terlibat dengan siasatan selaras dengan Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat.

SPPP komited untuk menerapkan pendekatan toleransi sifar terhadap segala bentuk rasuah dengan:

- Mematuhi peruntukan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan Undang - Undang lain yang berkaitan, Peraturan, Polisi dan Prosedur yang digunakan dalam melaksanakan tugas.
- Membentuk persekitaran kerja yang telus, berintegriti dan bebas rasuah dengan melaksana dan mematuhi Polisi Antirasuah, Polisi Memberi dan Menerima Hadiah, Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat dan Kod Etika Pembekal oleh semua warga SPPP serta rakan perniagaan.
- Menerapkan nilai-nilai murni dan membudayakan integriti warga SPPP dalam organisasi dengan mempromosikan dan mengatur program kesedaran Sistem Pengurusan Antirasuah setiap tahun.
- Memantapkan tadbir urus terbaik dan meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan dengan melakukan penilaian prestasi dan penambahbaikan Sistem Pengurusan Antirasuah sepanjang masa.

Warga SPPP yang melakukan jenayah rasuah atau tindakan berisiko rasuah yang melanggar Akta SPRM 2009 [Akta 694] atau Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) [Akta 605] hendaklah apabila disabitkan, boleh dikenakan penalti seperti yang ditetapkan di bawah Akta tersebut.

**MONALIZA BINTI SUHAIMI**  
Pengurus Besar  
Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang